

# Anwar jejak kaki ke PAU selepas 25 tahun

**Kuala Lumpur:** Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2023 mencatat sejarah dengan kehadiran Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam yang kembali menjejakkan kakinya ke persidangan itu selepas 25 tahun.

Kali terakhir Perdana Menteri itu berucap di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) pada PAU adalah pada 1998 sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Beliau dipecat daripada UMNO pada 3 September 1998 dan sejak itu, bangunan itu adalah asing baginya untuk dikunjungi.

Semalam, Pengerusi Pakatan Harapan (PH), yang juga Presiden PKR itu hadir ke PAU 2023 sebagai tetamu kehormat.

Beliau yang memakai baju Melayu biru muda dan bersongkok,

tiba pada jam 9.15 pagi dan diiringi Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta barisan kepimpinan UMNO.

Anwar turut dilihat mengibarkan bendera *Sang Saka Bangsa* ketika lagu rasmi UMNO *Bersatu Bersetia Berkhidmat* dimainkan.

Ketika ditemui media selepas itu, Perdana Menteri berkata, beliau masih mengingati bait-bait lagu UMNO walaupun sudah 25 tahun tidak bersama parti itu.

Bagaimanapun, Anwar berkata, beliau tidak mempunyai niat lain selain hadir bagi memperkukuhkan Kerajaan Perpaduan.

“Yang penting menyempurnakan tugas kepada negara, pengalaman peribadi itu penting tetapi ia tidak boleh mengatasi kepentingan rakyat dan negara,” katanya.



Anwar bersama Ahmad Zahid dan Naib Presiden Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (kiri) ketika menghadiri PAU 2023 di WTC Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)